



PETIKAN AKHBAR

Belanjawan 2021 lulus bukti MP sedar belanjawan untuk rakyat, lawan COVID-19 – Muhyiddin

PETIKAN AKHBAR | 15 DISEMBER 2020



KUALA LUMPUR, 15 Dis – Sokongan ahli Parlimen terhadap Belanjawan 2021 membuktikan mereka menyedari kepentingan belanjawan itu untuk program rakyat, dengan keutamaan ialah bagi melawan pandemik COVID-19, kata Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Beliau berkata belanjawan itu juga sangat penting kepada kerajaan bagi meningkatkan taraf hidup rakyat dan seluruh lapisan masyarakat, terutama golongan B40, M40, golongan rentan serta mereka yang kurang bernasib baik.

“Pendirian ahli-ahli Parlimen yang menyokong belanjawan ini turut membuktikan mereka menjunjung tinggi titah Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mahu belanjawan ini diluluskan tanpa gangguan, lebih-lebih lagi dalam keadaan negara sedang berhadapan dengan ancaman COVID-19,” katanya dalam hantaran di laman rasmi Facebook beliau malam ini.

Belanjawan pertama kerajaan Perikatan Nasional (PN) itu diluluskan di Dewan Rakyat hari ini apabila Rang Undang-undang Perbekalan 2021 (Belanjawan 2021) tersebut memperoleh sokongan majoriti ahli Parlimen.

Rang undang-undang itu diluluskan melalui undi belah bahagian selepas bacaan kali ketiga oleh Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz yang menyaksikan 111 ahli Parlimen bersetuju, 108 tidak bersetuju dan seorang tidak hadir.

Sambil menzahirkan kesyukuran, Muhyiddin turut berterima kasih kepada semua ahli Parlimen Barisan Nasional, Gabungan Parti Sarawak dan Parti Bersatu Sabah yang telah menyokong belanjawan itu dari peringkat dasar, peringkat jawatankuasa hingga kepada bacaan kali ketiga.

Perdana menteri berkata sokongan padu itu membuktikan kerajaan PN sentiasa mengambil kira kebajikan, keselamatan nyawa, kesejahteraan hidup rakyat serta pemulihan ekonomi negara dalam apa sahaja tindakan yang diambil.

"Saya harap ahli-ahli Parlimen dapat terus memberikan khidmat yang terbaik untuk rakyat dan negara.

"Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada YB Menteri Kewangan dan Kementerian Kewangan yang bekerja keras menyediakan Belanjawan 2021 ini dari peringkat awal hingga diluluskan hari ini," katanya yang turut berterima kasih kepada seluruh rakyat yang mendoakan agar Belanjawan 2021 itu diluluskan demi kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka.

Bernama

-  [Siaran Media](#)
-  [Koleksi Ucapan](#)
-  [Petikan Akhbar](#)
-  [Foto](#)
-  [Video](#)
-  [Pengumuman](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM

TENGGU ZAFRUL

BANTUAN PRIHATIN NASIONAL

KWSP

I-SINAR

SINAR HARIAN

JELAJAH BELANJAWAN 2021

PRIHATIN MOF

PERMAI

BERITA HARIAN